



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

MODUL LATIHAN GURU PENDIDIKAN KHAS



PENGURUSAN DIRI





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

MODUL LATIHAN GURU PENDIDIKAN KHAS

PENGURUSAN DIRI



mengupayakan kompetensi guru

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

#mengupayakompetensiguru
Modul Latihan Guru Pendidikan Khas KPM
Institut Pendidikan Guru Malaysia,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-3, Blok 2250,
Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel : 03-83126666
Faks : 03-83126655
Web : <http://ipgm.moe.edu.my/>

ISBN : 9789672999256

© Hak cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia Semua hak cipta terpelihara. Hak cipta Kementerian Pendidikan Malaysia 2021. Semua petikan daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Disember 2021

KANDUNGAN

	Halaman
Panel Penggubal Modul	i
Kata Alu-aluan	iv
Panduan Modul	vi
1. Amalan Pedagogi Terbaik Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Matlamat	2
1.3 Pengajaran Berasaskan Teori	3
1.4 Amalan Berasaskan Bukti	7
1.5 Penguasaan Tahap Pencapaian MBK dalam Pengurusan Diri	19
1.6 Rujukan	19
	22
2. Bahan Sokongan Pengajaran Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	
2.1 Pengenalan	24
2.2 Kad Visual	24
2.3 Jenis-Jenis kad Visual	25
3. Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Sekolah Rendah	
3.1 Pengenalan	36
3.2 Kemahiran Kendiri	37
3.3 Kebersihan, Kesihatan Dan Keselamatan	43
3.4 Penggunaan Tandas Dan Bilik Mandi	49
3.5 Pengurusan Tempat Tinggal	51
3.6 Adap dan Tatasusila	53
3.7 Pengurusan Emosi Dan Sosial	58
3.8 Penyalahgunaan Alatan Dan Bahan Berbahaya	60
3.9 Pertolongan Cemas	62

4. Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Sekolah Menengah

4.1	Pengenalan	65
4.2	Mengurus Diri	68
4.3	Mengurus Bengkel	79
4.4	Advokasi Diri	85
4.5	Menyedia Dan Menyaji/Mengepek Makanan	88
4.6	Menjahit Artikel Mudah	92

5. Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Berkefungsian Rendah

5.1	Pengenalan	97
5.2	Kemahiran Mengurus Diri	99
5.3	Kemahiran Mengurus Rutin Harian	101
5.4	Kemahiran Integrasi Sosial	102
5.5	Kemahiran Mengurus Emosi dan Tingkah Laku	103
5.6	Kemahiran Membaca Maklumat	105
5.7	Kemahiran Mengurus Wang	107
5.8	Kemahiran Memasak dan Mengurus Rumah	109
5.9	Kemahiran Mengurus Tingkah Laku Di Tempat Kerja	111
	Penghargaan	114

PANEL PENGUBAL MODUL

PENASIHAT 1

Dr. Rusmini binti Ku Ahmad
Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia

Hjh. Salmah binti Jopri
Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas

PENASIHAT 2

Dr. Rosli bin Yaacob
Timbalan Rektor Kanan, Institut Pendidikan Guru Malaysia

Dr. Mohd. Anuar bin Abdullah
Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas

Dr. Yazid bin Abdul Manap
Timbalan Rektor, Pusat Pembangunan Latihan

Dr. Zanariah binti Ibrahim
Ketua penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Latihan

Penyelaras Modul

Zaiton binti Arshad
Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Siti Nabilah binti Kasdi
Pusat Kecemerlangan Akademik, IPGM

Reka Bentuk

Dr Aliza binti Adnan
Dr. M. Syakerulhaniz bin Mohd Sabri
Zahidi bin Khamis
Azizah binti Abd. Samad
Mohd Hanif bin Mohd Mahpot

IPG Kampus Ilmu Khas
IPG Kampus Perempuan Melayu
IPG Kampus Tun Hussein On
IPG Kampus Perempuan Melayu
SK Kanchong Darat

Ketua Panel : Modul Pengurusan Diri
Dr. Masitah binti Taib
IPG Kampus Ilmu Khas

Ketua Panel : Modul Pengurusan Tingkah Laku
Hjh. Harlina binti Ishak
IPG Kampus Darulaman

Ketua Panel : Modul Penyediaan Rancangan Pengajaran Individu
Hj. Mustafa bin Hj. Jantan
IPG Kampus Perempuan Melayu

Ketua Panel : Modul Aktiviti Terapeutik
Suraya binti Bai
IPG Kampus Darulaman

Ketua Panel : Modul Teknik Pengajaran Literasi dan Numerasi
Dr. Alijah binti Ujang
IPG Kampus Ilmu Khas

Ketua Panel : Modul Teknik Pengajaran MBPK Disleksia
Mohd Israfi bin Sayati
IPG Kampus Perempuan Melayu

MODUL: PENGURUSAN DIRI

- | | | |
|----|--------------------------------|---|
| 1. | Dr Masitah binti Taib | IPG Kampus Ilmu Khas |
| 2. | Dr Lim Chin Yin | IPG Kampus Ilmu Khas |
| 3. | Shahrizal bin Selamat | Genius Kurnia |
| 4. | Farha Adiola binti Awang Adnan | Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur |
| 5. | Najwa Izzati binti Udin | SMK Kelana Jaya |
| 6. | Mohd Shazrin bin Mat Razi | SK Yaacob Latif 1 |

KATA ALU-ALUAN

REKTOR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Bismillahirrahmahnnirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera.



Institut Pendidikan Guru Malaysia telah diberikan tanggungjawab sebagai peneraju bagi menghasilkan modul untuk rujukan guru-guru pendidikan khas Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebanyak enam modul telah dibangunkan iaitu Modul Pengurusan diri, Modul Pengurusan Tingkah laku, Modul Penyediaan Rancangan Pengajaran Individu (RPI), Modul Aktiviti Terapeutik, Modul Teknik Pengajaran Literasi dan Numerasi dan Modul Teknik Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Disleksia. Modul yang dapat dijadikan bahan sokongan ini adalah di bawah inisiatif #34 : Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

Kumpulan sasaran bagi kegunaan enam modul ini ialah murid berkeperluan pendidikan khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Program Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PI) pada peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah yang merangkumi ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pelbagai, dan masalah pembelajaran seperti autisme, sindrom down, ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) dan disleksia. Penyediaan enam modul ini diharapkan dapat membantu guru melaksanakan amanah kepada murid berkeperluan pendidikan khas mencapai kesamarataan dalam pendidikan. Dengan adanya bahan sokongan modul ini dapat menyemarakkan keiltizaman guru mendidik murid berkeperluan pendidikan khas demi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Institut Pendidikan Guru Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih terutama kepada Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu dan Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman. Tidak dilupakan juga kepada semua panel yang amat berdedikasi. Semoga penghasilan enam modul ini akan dapat mencapai hasrat dan matlamat untuk meningkatkan kompetensi guru dan dapat memberdayakan murid berkeperluan pendidikan khas.

Sekian, terima kasih.

DR. RUSMINI BINTI KU AHMAD

KETUA PANEL PENGGUBAL

Bismillahirrahmahnirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera.



Alhamdulillah dengan rahmat Allah yang telah mempermudah kumpulan kami menyelesaikan penulisan Modul Pengurusan Diri ini. Semoga modul ini boleh dijadikan panduan kepada guru-guru sekolah rendah dan menengah Pendidikan Khas untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan Pengurusan Diri khusus kepada murid masalah pembelajaran. Modul ini juga boleh digunakan sebagai elemen penerapan dalam mata pelajaran lain atau boleh diaplikasi kepada murid berkeperluan pendidikan khas kategori lain.

Modul Pengurusan Diri ini memfokuskan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik berasaskan bukti iaitu berasaskan kajian-kajian lepas yang telah didokumen. Modul ini juga mengandungi pelbagai cadangan aktiviti yang boleh dilaksanakan di dalam bilik darjah, cadangan aktiviti Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), serta bahan-bahan sokongan yang boleh dicetak untuk kegunaan aktiviti kepada murid.

Modul Pengurusan Diri Dibawah Inisiatif #34 ini dibangunkan untuk kegunaan guru-guru pendidikan khas sekolah rendah dan menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul ini adalah melangkaui kapasiti semasa buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia yang berperanan sebagai panduan pengajaran berkaitan Pengurusan Diri MBK.

Dr Masitah Taib
Pensyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Khas
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

GARIS PANDUAN MODUL

1.0 PENGENALAN

Modul ini dibina hasil daripada maklum balas Makmal Pendidikan Khas 2018, terdapat keperluan bahan sokongan yang boleh membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Rentetan daripada maklum balas tersebut, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan modul latihan ini. Modul ini boleh digunakan sebagai bahan sokongan tambahan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kandungan modul ini dirancang berdasarkan kepada teori, strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan pentaksiran yang dicadangkan.

Modul ini telah melalui proses rintis pada Mei hingga Julai 2022 di 18 buah sekolah. Dapatan daripada pelaksanaan rintis tersebut, penambahbaikan telah dilakukan untuk menjadikan modul ini lebih berkualiti sebagai bahan sokongan pengajaran guru.

2.0 OBJEKTIF

Pada akhir pelaksanaan modul ini, guru dapat :

- i. Meningkatkan kompetensi guru merancang strategi, kaedah dan aktiviti PdP yang pelbagai kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).
- ii. Meningkatkan kompetensi guru melaksanakan PdP dengan lebih berstruktur mengikut amalan pedagogi terkini.
- iii. Meningkatkan kompetensi guru merancang dan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang bersesuaian tahap dan kategori MBPK.

TAJUK 1
AMALAN PEDAGOGI TERBAIK
PENGURUSAN DIRI
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

TAJUK 1 : AMALAN PEDAGOGI TERBAIK PENGURUSAN DIRI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

1.1 Pengenalan

Tajuk 1 ini mengandungi penerangan tentang amalan pedagogi terbaik berasaskan bukti yang boleh digunakan oleh guru-guru pendidikan khas sekolah rendah dan menengah dalam pengajaran berkaitan Pengurusan Diri. Amalan terbaik berasaskan bukti bermaksud pelbagai amalan, intervensi, pendekatan, strategi, kaedah atau teknik pengajaran guru yang disokong oleh bukti-bukti saintifik melalui beberapa kajian yang telah menunjukkan kesan positif kepada murid (Ecker, 2016., Wertalik & Kubina. 2017., dan Cook et. al. 2012). Justeru itu, modul pengurusan ini mengetengahkan amalan-amalan terbaik pedagogi pengurusan diri berasaskan kajian-kajian lepas. Disamping itu, modul ini juga menghubungkan kait teori pembelajaran yang boleh dijadikan sandaran dalam merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pengetahuan tentang teori pembelajaran membolehkan seseorang guru merancang suatu pengajaran yang berkesan mengikut situasi murid dan konsep atau kemahiran yang hendak diajar.

1.2 Matlamat

Matlamat tajuk 1 ini adalah membantu guru mengimbas kembali pengetahuan pengajaran berasaskan teori yang pernah dipelajari semasa mengikuti latihan perguruan. Fokus modul ini hanya kepada tiga teori pembelajaran iaitu Behavioris, Kognitif dan Sosial kerana teori-teori tersebut sangat sesuai dengan ciri-ciri pembelajaran MBPK untuk diaplikasi di dalam bilik darjah dan kehidupan sebenar mereka berkaitan kemahiran mengurus diri. Guru-guru boleh mempelbagaikan kaedah PdP seperti yang telah didokumen oleh kajian-kajian lepas sebagai amalan berasaskan bukti. Perincian langkah-langkah pengajaran berasaskan teori dan amalan berasaskan bukti diharap dapat membantu guru melaksanakan PdP secara lebih berfokus dan bersistematik.

Komponen Pengurusan Diri yang terkandung dalam modul ini adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah bagi mata pelajaran Pengurusan Kehidupan. Kemahiran mengurus diri yang dipelajari oleh MBPK masalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah adalah seperti dinyatakan dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1: Komponen Pengurusan Diri MBPK

1.3 Pengajaran Berasaskan Teori

Teori membantu guru untuk memahami asas masalah pembelajaran khususnya dalam konteks pendidikan khas. Teori dapat memberi panduan atau kaedah yang berkesan dan bersesuaian untuk menyelesaikan masalah murid. Antara fungsi teori kepada guru ialah;

- Membantu guru membuat penilaian, menyemak bahan, teknik, kaedah pembelajaran yang boleh digunakan kepada murid.
- Memberi panduan pengetahuan yang sistematik dan konsep bekerja bagi membolehkan pengubahsuaian sesuatu ilmu baru dan ia amat penting kerana memberi arah panduan menjelaskan dengan lebih teratur struktur pemikiran dan ini membentuk tindak balas yang diinginkan berlaku.
- Pembentukan secara berproses. Setiap disiplin dibina berdasarkan konsep dan idea yang dikembangkan oleh teori sebelumnya. Teori adalah cabaran, kekuatan, bagi pengkaji dan ahli akademik untuk mempraktik dan membuat penilaian bagi membuktikan teori yang dikeluarkan oleh golongan ini bersesuaian dan berguna serta berhasil.

1.3.1 Teori Pembelajaran Behaviorisme

Fakta ringkas teori adalah seperti berikut;

- Pembelajaran berlaku secara pasif.
- Pembelajaran adalah hasil tindak balas kepada rangsangan persekitaran.
- Perlakuan dibentuk oleh penekanan positif dan negatif (peneguhan positif atau negatif).
- Pembelajaran ialah perubahan pada tingkah laku murid.
- Proses pengulangan membentuk satu kebiasaan atau tabiat.
- Berpusatkan guru.
- Sila lihat:




Imbas QR kod



<https://www.learning-theories.com/behaviorism.html>

Guru boleh mengaplikasi Teori Behaviorisme berdasarkan langkah-langkah seperti berikut;




1.3.2 Teori Pembelajaran Kognitif

Fakta ringkas teori adalah seperti berikut;

- Pembelajaran berlaku disebabkan aktiviti minda.
- Pengetahuan adalah suatu skema yang dihasilkan oleh minda secara simbolik.
- Pembelajaran ditafsirkan sebagai perubahan pada skema minda murid.
- Guru bertanggungjawab membantu murid ingat kepada pengetahuan lama dan menghubungkannya dengan pelajaran yang baharu.
- Berpusatkan guru.
- Sila lihat:

<https://www.learning-theories.com/cognitivism.html>

<https://joseriveranova.weebly.com/cognitivism.html>



Imbas QR kod



Guru boleh mengaplikasi Teori Kognitif dalam PdP seperti cadangan berikut;

Guru bertindak sebagai pemudah cara dan sentiasa membantu murid dalam aktiviti pembelajaran

Guru perlu menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap kebolehan murid supaya mudah difahami dan murid memahami objektif yang hendak dicapai oleh guru.

Proses pembelajaran yang berlaku perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada murid dan menggunakan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran yang baharu. Contohnya aktiviti makan dan minum yang telah dipelajari di rumah, guru boleh mengukuhkan lagi dengan menerapkan adab tatasusila semasa makan di sekolah

Guru semestinya peka kepada kesesuaian persekitaran pembelajaran terutama dalam bilik darjah supaya dapat mendorong/memotivasikan murid untuk terlibat dengan aktiviti pembelajaran.


Guru perlu bersedia dengan bahan-bahan yang dapat merangsang minda murid dan sentiasa diubahsuai mengikut aktiviti yang akan dijalankan. Contohnya menggunakan bahan bantu mengajar yang pelbagai guna dan mesra pengguna.

1.3.3 Teori Pembelajaran Sosial

Fakta ringkas teori adalah seperti berikut;

- Pembelajaran berlaku disebabkan pemerhatian tingkah laku model.
- Pengetahuan adalah melalui pemerhatian dan meniru orang lain serta dengan melihat konsekuensi tingkah laku orang lain.
- Pembelajaran berlaku secara pemerhatian, mengingat, reproduksi dan penegasan/motivasi.
- Guru bertanggungjawab menunjukkan kemahiran urus diri secara langkah demi langkah samada guru, rakan sebaya atau rakaman video sebagai model.
- Berpusatkan guru.
- Sila lihat:

<https://www.learning-theories.com/social-learning-theory-bandura.html>



Imbas QR kod



Guru boleh mengaplikasi Teori Pembelajaran Sosial dalam PdP seperti cadangan berikut seperti berikut;

Penyampaian guru hendaklah cekap dan menarik supaya menjadi suri teladan (role model) yang boleh dicontohi oleh murid.

Menggunakan rakan sebaya yang cemerlang supaya sebagai suri teladan.

Guru menyediakan persekitaran sosial yang kondusif agar modeling boleh berlaku.

1.4 Amalan Berasaskan Bukti

1.4.1 Analisis Tugas

Fakta ringkas Analisis Tugas adalah seperti berikut;

- Amalan terbaik untuk mengajar murid tentang sesuatu kemahiran.
- Tujuan : memecahkan sesuatu aktiviti yang lebih kompleks kepada langkah-langkah kecil yang ringkas.
- Keperluan : Kecekapan guru pendidikan khas menganalisis tugas supaya bersesuaian dengan tahap keupayaan MBPK.
- Peranan guru :
 - menyusun atur kemahiran yang hendak diajar
 - memberi latihan yang konsisten
 - menilai tahap pencapaian murid.
- Sila lihat:
<https://www.thoughtco.com/task-analysis-successfully-teaching-life-skills-3110852>
<https://www.n2y.com/blog/teach-life-skills-with-task-analysis/>

Imbas QR kod



Pelaksanaan Analisis Tugas berdasarkan Modul Analisis Tugas oleh Szidon dan Franzone (2009) iaitu;

i) Kenal pasti kemahiran sasaran

- Guru perlu mengenal pasti kemahiran sasaran yang ingin diajar kepada murid seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- Guru boleh merujuk Rancangan Pendidikan Individu (RPI) berkaitan pengetahuan dan kemahiran yang telah dirancang ke atas seseorang murid.
- Kemahiran sasaran yang ingin dipilih sebaiknya terdiri daripada langkah-langkah aktiviti yang mempunyai kesinambungan. Elakkan dari kemahiran yang mempunyai satu langkah atau langkah yang terlalu mudah atau langkah-langkah yang mengandungi banyak aktiviti kompleks. Namun begitu, kesesuaian kemahiran bergantung kepada tahap kebolehan murid masing-masing.
- Contoh kesesuaian pemilihan kemahiran sasaran.

Kemahiran membuka pili sinki	Kemahiran membasuh tangan	Kemahiran menyediakan, menghidang dan membersihkan
Ulasan: kurang sesuai kerana hanya satu langkah dan terlalu mudah	Ulasan: aktiviti yang sangat sesuai kerana terdapat beberapa aktiviti mudah mengikut langkah demi langkah	ulasan: tidak sesuai kerana melibatkan pelbagai variabel dan pelbagai hasil pembelajaran

ii) Kenal pasti pra syarat murid dan bahan yang diperlukan

- Guru perlu tentukan pra syarat yang murid perlukan sebelum melaksanakan tugas. Pra syarat bergantung kepada ciri-ciri kognitif, afektif, fizikal dan tingkah laku MBPK. Boleh jadi juga pra syarat yang tidak dikuasai oleh murid akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada langkah-langkah dalam analisis tugas.
- Guru mengenal pasti bahan pengajaran yang bersesuaian dengan ciri MBPK seperti menggunakan kad visual atau video atau kad perkataan dan lain-lain.
- Contoh pra syarat.

Kemahiran membasuh pinggan/cawan	Kemahiran memakai kasut	Kemahiran menggunakan tandas
Pra syarat: murid yang lemah psikomotor perlu guna pinggan/cawan plastik	Pra syarat: murid tahu konsep kiri dan kanan	Pra syarat : Murid kenal simbol tandas lelaki dan tandas perempuan

iii) Pecahkan kemahiran kepada komponen

- Guru perlu pecahkan kemahiran urus diri yang ingin diajari kepada beberapa langkah supaya murid boleh melaksanakan secara satu persatu. Murid melakukan aktiviti berdasarkan langkah-langkah yang disenaraikan/dipaparkan/ditunjukkan oleh guru.
- Contoh: Langkah-langkah kemahiran membasuh tangan asas



- Contoh: Langkah-langkah kemahiran memberus gigi



- iv) Mengesahkan langkah-langkah kecil adalah lengkap dan betul
- Guru perlu mengesahkan langkah-langkah kecil yang telah dipecahkan itu mewakili keseluruhan kemahiran sasaran secara tepat dan lengkap. Pengesahan langkah-langkah adalah perlu supaya murid tidak tertinggal walau satu langkah pun berkaitan kemahiran berkaitan urus diri yang dipelajari.
 - Sebagai pengesahan, guru sendiri perlu melaksanakan langkah-langkah tersebut atau boleh meminta bantuan murid lain seperti murid aliran perdana.

- v) Menentukan bagaimana kemahiran sasaran diajar
- Guru perlu mengambil kira perbezaan MBPK, matlamat dan pengalaman sebelum mengajar kemahiran sasaran.
 - Guru perlu menggunakan pertimbangan profesional dan memahami keperluan individu murid dalam pemilihan strategi, kaedah atau teknik yang bersesuaian.
 - Contoh: Kemahiran membasuh tangan

PdP - hari pertama	PdP – hari ke2	PdP – hari ke3
Teknik sumbang saran dan simulasi	Teknik modeling/ demonstrasi/ tunjuk cara dan amali	Teknik latih tubi dan soal jawab

- vi) Melaksanakan pengajaran dan penilaian kemajuan
- Guru mengajar kemahiran sasaran seperti yang dirancang.
 - Bantu (*prompt*) murid semasa melaksanakan langkah-langkah dalam kemahiran yang dipelajari dengan cara fizikal (*hand-over-hand*), separa fizikal, model, gertural, verbal atau berdikari. Bantuan perlu dikurangkan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan keadaan murid terlalu bergantung kepada bantuan guru.
 - Mantapkan kemahiran sasaran murid dengan aktiviti-aktiviti pengukuhan seperti kuiz, lembaran kerja
 - Hasilkan borang senarai semak untuk menilai kemajuan murid bagi setiap langkah-langkah dalam kemahiran sasaran.

1.4.2 Role Model (*Modelling*)

Fakta ringkas role model adalah seperti berikut;

- Teknik role model atau *modelling* boleh dilakukan dengan demonstrasi/ tunjuk cara menggunakan model hidup, model simbolik atau model video
- Ciri teknik :
 - mengutamakan aspek kemahiran.
 - menggalakkan penglibatan murid.
 - memberi peluang kepada murid untuk mendengar dan melihat kemahiran yang dipelajari.
- Kesan teknik : positif dari segi efikasi sendiri kepada murid.
- Peranan guru:
 - menyediakan pilihan model iaitu ;
 - i) model hidup (guru/rakan sebaya).
 - ii) model simbolik (langkah bertulis atau bergambar).
 - iii) model persepsi/video (tunjuk cara secara rakaman).

- Tips kepada guru;
 - i) berikan demonstrasi yang betul kepada murid.
 - ii) pastikan mata murid memerhatikan setiap gerak-geri guru ketika melakukan demonstrasi.
 - iii) minta murid melakukan semula apa yang telah diperhatikan tadi.
 - iv) posisi yang sesuai ialah berada di belakang murid supaya mereka tidak keliru melihat pergerakan tangan yang perlu dilakukan.
 - v) Peneguhan positif diberikan untuk setiap langkah yang berjaya dilakukan dengan betul.
- Sila lihat:

<http://www.chaucer.sheffield.sch.uk/images/schoolimprovement/tla/modelling.pdf>

Imbas QR kod



Pelaksanaan teknik role model secara tunjuk cara/ demonstrasi model sebenar oleh Powel et al (2002) iaitu;

i) Sebelum demonstrasi

- Guru hendaklah terlebih dahulu menentukan topik, objektif dan kandungan demonstrasi terlebih dahulu.
- Sekiranya menggunakan alatan, maka benda-benda tersebut hendaklah disediakan dan disusun mengikut langkah-langkah demonstrasi yang ditentukan.
- Tempat demonstrasi hendaklah disediakan untuk memastikan semua murid dapat menyaksikan dengan jelas.
- Pastikan keselamatan dengan melakukan percubaan.
- Sebelum memulakan demonstrasi, guru hendaklah memberitahu murid tujuan demonstrasi dan aktiviti yang hendak diperhatikan supaya mereka dapat mencontohinya tanpa melakukan sebarang kesilapan.

ii) Semasa demonstrasi

- Guru hendaklah menghadap atau memandang ke arah murid semasa memberi penerangan tentang aktiviti demonstrasi yang dijalankan.
- Sekiranya murid menunjukkan keraguan, guru hendaklah menerangkan langkah itu sekali lagi.
- Guru boleh menggunakan teknik penyoalan untuk menarik perhatian murid.
- Guru juga perlu memastikan semua murid melihat demonstrasi dan mendengar penerangan guru dengan jelas.
- Jika masa mengizinkan, guru boleh meminta seorang murid membuat demonstrasi sekali lagi untuk memperkukuhkan pemahaman cara-cara melaksanakannya.

iii) Selepas demonstrasi

- Guru perlu mengadakan perbincangan tentang bahagian-bahagian demonstrasi yang penting. Ini akan memastikan bahawa murid memerhatikan langkah-langkah demonstrasi yang telah ditunjukkan dengan betul.
- Bantu murid membuat rumusan tentang demonstrasi yang dijalankan.

- Guru boleh mengadakan aktiviti-aktiviti pengukuhan selepas demonstrasi dengan mencontohi guru atau mencatat /menyusun langkah-langkah demonstrasi dalam buku nota seperti yang paparkan pada kad analisis tugas.

1.4.3 Kaedah Bercerita (*Social Story*)

Fakta ringkas kaedah bercerita adalah seperti berikut;

- Strategi intervensi yang berkesan untuk mengajar kemahiran mengurus diri.
- Strategi berbentuk cerpen mudah yang menggambarkan kepada murid sesuatu situasi, peristiwa atau aktiviti.
- Penggunaan bahasa yang mudah, teks ringkas dan bergambar.
- Peranan guru:
 - Membina buku cerita yang pendek dan mudah
 - Menggambarkan persekitaran, rutin dan jangkaan
 - Membacakan dengan kerap.
 - Menyediakan gambar yang realistik.
 - Menggunakan ayat yang jelas, mudah difahami dan pendek.
- Sila lihat: <https://www.autismmalaysia.com/autismathome/lessons/membuat-cerita-sosial/?lang=ms>



Imbas QR kod

Pelaksanaan kaedah bercerita iaitu;

i) Bayangkan matlamat anda

Kenal pasti kemahiran yang guru ingin murid pelajari melalui kaedah bercerita. Contoh kemahiran menyikat rambut.

ii) Fikirkan setiap langkah untuk mencapai matlamat ini

Petua yang baik adalah mengemukakan enam soalan: siapa, apa, di mana, bila, bagaimana, dan mengapa? Contohnya, seorang murid yang bersiap untuk pergi sekolah, perlu diajar cara menyikat rambut supaya kemas. Mereka perlu tahu perkara-perkara berikut: –

- 'Siapa' perlu sikat rambut
- 'Mengapa' nak sikat rambut
- 'Bila' perlu sikat rambut
- 'Apa' peralatan untuk menyikat rambut
- 'Bagaimana' cara untuk sikat rambut yang betul

iii) Mula menulis

Berikan tajuk cerita sosial, kemudian mulakan dengan skrip yang terdiri daripada teks deskriptif atau bimbingan. Kata-kata dan persembahan dari cerita harus sesuai dengan usia dan tahap keupayaan murid. Gunakan gambar dan panjang teks yang sesuai pada tahap

usianya. Contohnya, murid dengan pertuturan yang sedikit akan mendapat manfaat dari setiap halaman yang terhad kepada tiga hingga empat perkataan, sementara remaja dengan fasih bertutur boleh mempunyai ayat yang lebih panjang.



iv) Pastikan positif

Kisah sosial tidak bertujuan untuk menunjukkan apa yang dilakukan oleh anak itu salah, tetapi hanya menonjolkan cabaran yang dialami dan mengajar anak-anak strategi yang mereka boleh gunakan untuk mengatasi cabaran tersebut.

v) Berapa kerap guru menggunakan kaedah bercerita

Sebilangan murid memerlukan cerita sosial untuk dibaca kepada mereka dengan kerap, bahkan hingga 3-5 kali sehari dan kemudian langkah demi langkah semasa situasi itu berlaku, terutamanya jika mereka akan menghadapi perubahan besar atau mempelajari kemahiran yang sukar.

1.4.4 Sokongan Visual

Fakta ringkas sokongan visual adalah seperti berikut;

- Sokongan visual adalah strategi pengajaran menggunakan alatan visual yang boleh membantu murid melaksanakan aktiviti setiap hari.
- Contoh alatan visual seperti jadual visual, kad peraturan, kad buat dahulu/ kemudian (*first/ then*), kalendar, *token board*, analisis tugasan, simbol komunikasi boleh/ tidak boleh/ peringatan/ membuat pilihan.
- Maklumat secara visual dapat membantu murid mengingat dalam tempoh masa yang panjang/ kekal berbanding maklumat secara lisan.
- Strategi yang berkesan untuk mengajar kemahiran yang berulang-ulang atau mengulangi arahan/ soalan yang sama.
- Untuk kegunaan kehidupan seharian dan sepanjang kehidupan.
- Peranan guru: menyediakan bentuk sokongan visual
 - perkataan
 - gambar : foto, gambar berwarna, gambar hitam putih, simbol
 - bahan maujud
 - Sila lihat:

<https://specialeducareers.com/resources/blog/visual-supports>



Imbas QR kod

Pelaksanaan sokongan visual berdasarkan Modul National Professional Development Center on ASD (2010) iaitu;

i) Membina alatan sokongan visual


Guru menentukan informasi dalam bentuk apa yang hendak disampaikan atau diikuti oleh seseorang murid. Seterusnya guru perlu memilih bentuk visual samada fotograf, simbol objek/lukisan, perkataan, ayat mudah, objek sebenar, atau gabungan perkataan dan gambar.

ii) Organisasi sokongan visual

Guru menyusun gambar dan perkataan mengikut susunan/langkah-langkah yang jelas dan difahami. Jadual visual atau analisis tugas atau lain-lain bentuk sokongan visual diletakkan ditempat yang bersesuaian untuk kegunaan pengajaran/intervensi seperti di dinding hadapan kelas, di dalam bekas atas meja guru/murid.

Contoh sokongan visual iaitu;

 A collection of visual cards for classroom rules. At the top, a yellow card reads 'Peraturan kelas' with two cartoon faces. Below it are eight smaller cards with illustrations and labels: 'kaki bersilang' (crossed legs), 'tangan di bawah' (hands under), 'angkat tangan' (raise hand), 'suara perlahan' (soft voice), 'beratur' (line up), 'berjalan' (walk), 'singgah kawan' (stop with friend), and 'kongsi mainan' (share toys). Kad Visual Peraturan	 Two types of 'First and Then' cards. The first is a green card divided into two sections: 'Buat dahulu' (Do first) with 'Waktu belajar' (Study time) and 'Kemudian' (Then) with 'Waktu bermain' (Play time). The second is a pink card with the text 'If' followed by a 'worksheet' icon, 'then' followed by a 'walk' icon. Kad First and Then
 A 'Token Board' consisting of a grid of small photos of children, each with a corresponding token (a small yellow star) placed next to it. A separate board shows a larger grid with a blue circle and a yellow star. Token Board	 Two choice cards. The first is pink and shows 'crayons' and 'markers' with the word 'or' between them. The second is light blue and shows 'juice' and 'milk' with the word 'or' between them. Kad Pilihan



iii) Melaksanakan pengajaran menggunakan sokongan visual
Guru menunjukkan kad/ jadual visual yang berkenaan dengan murid. Guru perlu berada di belakang murid supaya murid lebih jelas melihat kad/ jadual visual. Bantu murid mengenal pasti aktiviti atau peraturan atau simbol komunikasi yang dilihat. Laksanakan penggunaan sokongan visual setiap hari kepada murid sebagai rutin harian dan ingatan.

1.4.5 Rantaian kehadiran (*Forward Chaining*)

Fakta ringkas rantaian kehadiran adalah seperti berikut;

- Dalam konteks pendidikan khas berkaitan pengurusan diri, teknik *forwad chaining* adalah teknik mengajar kemahiran yang biasa dilakukan oleh guru dan ibu bapa. Kemahiran dimulai dengan langkah pertama hingga langkah akhir. Murid perlu menguasai dengan baik langkah pertama terlebih dahulu sebelum ke langkah kedua dan seterusnya.
- Guru boleh memberi peluang kepada murid untuk laksanakan terlebih dahulu langkah pertama secara sendiri.
- Peranan guru: guru memberi bimbingan dalam bentuk bantuan fizikal secara peringkat demi peringkat sekiranya murid telah boleh melaksanakan langkah pertama dahulu diikuti langkah kedua terakhir sehingga langkah terakhir.
- Sila lihat;


<https://www.youtube.com/watch?v=8MAS72qvOLI>

Imbas QR kod




Pelaksanaan rantai ke hadapan (*forward chaining*) bagi contoh kemahiran membasuh tangan iaitu;


i) Guru memberi panduan fizikal selepas langkah pertama




ii) Guru memberi panduan fizikal selepas dua langkah pertama




iii) Guru memberi panduan fizikal selepas tiga langkah pertama




iv) Guru memberi panduan fizikal pada dua langkah terakhir



iv) Guru memberi panduan separa fizikal pada langkah terakhir sahaja



v) Murid melakukan kemahiran sendiri secara berdikari keseluruhan langkah.



1.4.6 Rantaian Kebelakang (*Backward Chaining*)

Fakta ringkas rantaian kebelakang adalah seperti berikut;


- Dalam konteks pendidikan khas berkaitan pengurusan diri, teknik *backward chaining* adalah teknik mengajar kemahiran kepada beberapa langkah dengan cara terbalik.
- Teknik untuk mengajar sesuatu kemahiran dengan menguasai langkah terakhir dan diikuti dengan langkah kedua terakhir. Menjadikan langkah pertama sesuatu kemahiran itu diajar akhir sekali.
- Peranan guru: guru menarik bimbingan dalam bentuk bantuan fizikal secara peringkat demi peringkat sekiranya murid telah boleh melaksanakan langkah terakhir dahulu diikuti kedua terakhir sehingga ke permulaan.
- Sila lihat;
<https://autismclassroomresources.com/a-teaching-strategy-that-can-save-you-time-chaining/>

Imbas QR kod




Pelaksanaan rantai kebelakang (*backward chaining*) bagi contoh kemahiran membasuh tangan iaitu;


i) Guru memberi panduan fizikal sebelum langkah terakhir




ii) Guru memberi panduan fizikal sebelum dua langkah terakhir




iii) Guru memberi panduan fizikal sebelum tiga langkah terakhir




iv) Guru memberi panduan fizikal pada dua langkah pertama



iv) Guru memberi panduan separa fizikal pada langkah pertama sahaja



v) Murid melakukan kemahiran sendiri secara berdikari keseluruhan langkah.



1.4.7 Bantuan (*Prompting*)

Fakta ringkas bantuan/*prompting* adalah seperti berikut;

- Bantuan yang sangat perlu diberi sebagai ransangan kepada murid untuk melakukan sesuatu kemahiran.
- Jenis-jenis bantuan adalah;
 - Gestural
 - Fizikal (*hand-over-hand*)
 - Separu fizikal
 - Isyarat verbal penuh
 - Separu isyarat verbal/fonemik
 - Bertulis
 - Isyarat visual
 - Auditori
 - Posisi
- Peranan guru : Memberi bantuan mengikut tahap keupayaan murid. Bantuan perlu dikurangkan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan keadaan murid terlalu bergantung kepada bantuan (*prompt dependent*).
- Sila lihat :
 - <https://www.friendshipcircle.org/blog/2013/04/22/a-complete-guide-for-using-prompts-to-teach-individuals-with-special-needs/>
 - <https://www.facebook.com/REDDOORSCHOOL/videos/using-prompts-to-teach-new-skills/225317129144526/>

Imbas QR kod



1.5 Penguasaan Tahap Pencapaian Murid dalam Pengurusan Diri

1.5.1 Mengenal Tahap Sedia Ada Murid

Untuk melihat perkembangan murid dan keberkesanan sesi PdPc, guru haruslah membuat penilaian awal untuk mengenal pasti tahap sedia ada murid. Bentuk penilaian yang sama perlu digunakan di sepanjang proses penguasaan kemahiran murid untuk memastikan dapatan dapat dibandingkan dengan tepat. Kemahiran murid boleh diukur dengan menggunakan kadar penilaian seperti dalam rajah 2 di bawah;

Berdikari	Murid dapat melakukan aktiviti 100% tanpa bantuan
Berdikari dengan persediaan awal	Murid boleh melakukan aktiviti selepas semua alatan/ bahan disediakan
Supervision	Murid boleh melakukan aktiviti sendiri tetapi memerlukan pemantauan/ <24% <i>prompt</i>
Bimbingan Minimum	Murid boleh melakukan aktiviti sendiri (51-75%) tetapi memerlukan bimbingan fizikal atau <i>verbal prompt</i> (25%)
Bimbingan Separa	Murid boleh melakukan aktiviti sendiri (26-50%) tetapi memerlukan bimbingan fizikal atau <i>verbal prompt</i> (50%)
Bimbingan Maksimum	Murid boleh melakukan aktiviti sendiri (1-25%) tetapi memerlukan bimbingan fizikal atau <i>verbal prompt</i> (75%)
Tidak Berdikari	Murid tidak dapat melakukan mana-mana komponen dalam aktiviti

Rajah 2: Tahap Penguasaan Murid dalam Komponen Pengurusan Diri



Jenis bimbingan yang diberikan oleh guru kepada murid juga mempunyai hierarki, daripada bimbingan yang melibatkan penglibatan guru sepenuhnya kepada bimbingan yang hanya melibatkan penglibatan guru secara minimum. Rujuk jadual dibawah untuk hierarki bimbingan.

Jenis Bimbingan	Penglibatan Guru
Independent (I) Berdikari	Murid melaksanakan kesemua langkah tanpa bimbingan
Indirect Verbal (IV) Lisan secara tidak langsung	Memberi bimbingan lisan (maklumat) secara tidak langsung. Contoh: "Lepas ini apa?" atau "Apa yang diperlukan ya?"
Direct Verbal (DV) Lisan secara langsung	Memberitahu murid apa yang perlu dilakukan atau diperkatakan. Contoh: "Ambil ubat gigi dan picit di berus gigi"
Gesture (G) Isyarat badan	Memberi maklumat berkenaan apa yang perlu dilakukan secara bukan lisan. Contoh: Menunding jari kepada berus gigi dan ke mulut untuk memberi tahu murid membawa berus gigi ke mulut.
Model (M)	Menyediakan model (boneka, rakan atau guru sendiri) untuk murid mengikut dan mengimitasi perbuatan.
Partial Physical Assist (PP) Fizikal Separa	Memberikan bimbingan fizikal secara minimum. Contoh: menepuk tangan murid sebagai kiu untuk mula memberus gigi atau menyentuh siku murid sebagai kiu untuk mengambil barang
Full Physical Assist (FP) Fizikal Penuh	Memberi bimbingan tangan-di atas-tangan. Contoh: Memegang tangan murid dan mengerakkan tangan murid untuk pergerakan memberus gigi

Apabila tahap penguasaan MBPK sedia ada dikenal pasti, guru boleh menyesuaikan kaedah dan kriteria kejayaan untuk sesi PdPc. Amat digalakkan untuk guru-guru memberi 80% daripada tugas di aras keupayaannya dan 20% lagi di aras yang lebih sukar untuk MBPK. Dengan ratio 80% dan 20% ini, murid dapat memantapkan tahap kemahiran sedia ada dan lebih bersedia untuk melakukan tugas di aras yang sedikit sukar untuk mereka.

1.5.2 Mengukur Penguasaan Murid dalam Komponen Pengurusan Diri

Guru digalakkan menggunakan satu bentuk dan cara penilaian yang sama untuk mengukur perkembangan penguasaan MBPK dalam pengurusan diri. Sebagai contoh, borang dibawah boleh digunakan untuk mengukur penguasaan MBPK dalam kemahiran memberus gigi. Kemahiran tersebut hendaklah dipecahkan kepada komponen-komponen kecil supaya guru boleh meneliti perkembangan MBPK berdasarkan teknik pengajaran yang digunakan (contoh: *forward chaining* atau *backward chaining*). Rujuk contoh dibawah untuk borang yang digunakan untuk mencatat dan menganalisis tahap penguasaan murid dalam pengurusan diri.

Nama Murid:								Kelas:					
Kemahiran:								Kata Kunci:					
Nama Guru:													
Langkah \ Tarikh													
Tahap Berdikari:													
Strategi PdPc:													
Nota:													
 Tahap Bimbingan: <i>Full Physical (FP)</i> <i>Partial Physical (PP)</i> <i>Model (M)</i> <i>Gesture (G)</i> <i>Direct Verbal (DV)</i> <i>Indirect Verbal (V)</i> <i>Independent (I)</i> Tahap Berdikari: Berdikari Berdikari dengan persediaan awak Supervision Bimbingan Minimum Bimbingan Separa Bimbingan Maksimum Tidak Berdikari 													

1.6 RUJUKAN

- Ecker, A, J. (2016). Evidence-Based Practise dot Teachers: A synthesis of Trusworthy Online Sources. *Insights into Learning Disabilities* 13(1), 19-37
- Browder, D. M., Wood, L., Thompson, J., & Ribuffo, C. (2014). *Evidence-based practices for students with severe disabilities* (Document No. IC-3). Retrieved from University of Florida, Collaboration for Effective Educator, Development, Accountability, and Reform Center website: <http://cedar.education.ufl.edu/tools/innovation-configurations/>
- Cook, B. G., Smith, G. J., & Tankersley, M. (2011). *Evidence-based practices in education*. In K. R. Harris, S. Graham, & T. Urdan (Eds.), *APA educational psychology handbook* (Volume 1) (pp. 495–528). Washington, DC: American Psychological Association.
- Ertalick, J. L., & Kurbina, R, M. (2017). Interventions to Improve Personal Care Skills for Individual with Autism: *A Review of the Literature*. *Review Journal of Autism Developmental Disorders*. 4(1), 50 -60
- National Professional Development Center on ASD. (2010). Module: Visual Supports. <https://autismclassroomresources.com>
- Powell, R.A., Symbaluk, D.G., Mac Donald, S.E. (2002). *Psology*. Belmont: Wadsworth Group.
- Szidon, K., & Franzone, E. (2009). *Task Analysis*. Madison, WI: National Professional Development Center on Autism Spectrum Disorders, Waisman Center, University of Wisconsin.

TAJUK 2
BAHAN SOKONGAN PENGAJARAN
PENGURUSAN DIRI
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

TAJUK 2 : BAHAN SOKONGAN PENGAJARAN PENGURUSAN DIRI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

2.1 Pengenalan

Bahan sokongan pengajaran merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru dan murid dalam menyampaikan sesuatu pengajaran dalam kelas. Bahan pengajaran ini bukan sahaja terhad kepada alatan-alatan di dalam kelas seperti buku teks, papan tulis, kapur, bahkan merangkumi segala benda yang dapat digunakan bagi membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi tajuk kali ini, bahan pengajaran yang akan dibincangkan adalah penggunaan kad visual.

2.2 Kad visual

Kad visual digunakan secara meluas di dalam bilik darjah bagi membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Kad visual ini berperanan sebagai salah satu cara bagi membantu komunikasi dua hala antara guru dan juga murid. Kad visual diguna pakai dalam banyak situasi harian dimana ianya sangat mudah digunakan dan boleh dibawa kemana sahaja. Kad visual ini boleh digunakan sewaktu di dalam kelas, kantin, padang, tapak perhimpunan, taman permainan, mahupun di dalam tandas. Antara kelebihan lain penggunaan kad visual adalah;

i. Menyediakan persekitaran berstruktur dan rutin

Penggunaan kad visual mewujudkan persekitaran yang berstruktur dimana murid boleh mendapat akses kepada kad visual di dalam persekitaran mereka. Sebagai contoh, kad visual yang diletakkan di kantin mampu membantu murid untuk membeli makanan. Manakala kad visual yang diletakkan di dalam tandas akan membantu murid untuk memahami dan melakukan aktiviti di dalam tandas dengan lebih teratur. Penggunaan kad visual secara berulang akan mencipta rutin yang baik dimana murid mampu mempraktikkan sesuatu kemahiran pada setiap masa.

ii. Menggalakkan murid berdikari

Murid yang telah terlatih dengan penggunaan kad visual akan menjadikan murid lebih berdikari dalam menyempurkan sesuatu aktiviti. Sebagai contoh, murid yang kerap menggunakan kad visual sebagai kiu visual ketika membasuh tangan, lama-kelamaan, murid akan boleh membasuh tangan sendirian tanpa bantuan individu lain.

iii. Membina keyakinan

Murid yang menggunakan kad visual secara berdikari ketika menjalankan aktiviti urus diri akan merasa lebih yakin dengan diri mereka. Hal ini disebabkan mereka dapat membuat keputusan sendiri tanpa bantuan daripada orang lain. Contohnya, murid boleh memilih pakaian yang digemari dan boleh pakai pakaian tersebut dengan teratur menggunakan kad visual.

iv. Meningkatkan pemahaman

Kebanyakan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas menghadapi kesukaran dalam memahami arahan berbentuk lisan. Justeru itu, penggunaan kad visual membantu mereka memahami arahan yang di berikan oleh orang lain. Hal ini kerana gambar yang terdapat di dalam kad visual akan memberikan kiu kepada mereka. Contohnya, jika guru ingin murid membasuh tangan, guru akan menunjukkan kad visual yang memaparkan gambar membasuh tangan. Murid yang lihat kad visual ini akan mudah memahami apa yang di arahkan oleh guru.

v. Mengelak kekecewaan dan kegelisahan

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi sering menunjukkan kekecewaan dan kegelisahan apabila orang disekeliling sukar memahami kehendak mereka. Apabila menggunakan kad visual, murid dapat menterjemahkan apa yang mereka mahukan dengan menunjukkan kad visual tersebut kepada orang berhampiran. Sebagai contoh, jika murid berasa lapar, murid akan mengambil kad visual yang memaparkan gambar makanan dan memberikan kad visual tersebut kepada sesiapa yang berada di sekeliling mereka.

vi. Memberi peluang untuk berinteraksi dengan orang lain

Kad visual juga memberi peluang kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang menghadapi kesukaran berkomunikasi untuk berinteraksi dengan orang lain. Kad visual boleh digunakan untuk memberitahu kehendak, menolak permintaan, menyatakan perasaan dan sebagainya. Kaedah ini dapat membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berkomunikasi secara berkesan bersama orang disekeliling mereka.

2.3 Jenis-jenis Kad Visual

Kad-kad visual yang dihasilkan boleh digunakan dalam pelbagai situasi dan tujuan. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kad visual boleh digunakan di pelbagai tempat seperti di dalam kelas, kantin, tapak perhimpunan, padang, tandas dan sebagainya. Kad ini boleh digunakan oleh semua individu bersama Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Sebagai contoh, di dalam kelas, kad visual boleh digunakan oleh guru untuk mengarahkan murid supaya senyap dan duduk di kerusinya. Manakala jika murid berada di kantin, penjual di kantin boleh menggunakan kad visual untuk membantu murid memilih makanan yang mahu dibeli dengan menunjukkan kad visual yang memaparkan gambar makanan yang dijual.

Penggunaan kad visual sebagai bahan sokongan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas akan meningkatkan tahap kefungsiannya dalam mengurus kehidupan seharian. Kad-kad visual ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis atau fungsi bergantung kepada tujuan ianya digunakan. Antara jenis atau fungsi kad visual adalah seperti berikut:

i. Visual arahan

Kad visual arahan digunakan ketika guru ingin memberikan arahan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Bagi murid yang sukar memahami arahan yang diberikan secara verbal, guru boleh menggunakan kad arahan ini sebagai bahan sokongan supaya murid memahami apa yang diarahkan oleh guru. Bagi aktiviti pengurusan diri, kad arahan ini boleh digunakan untuk mengajak atau memberitahu murid untuk ke tandas, menyuruh murid membasuh tangan, mahupun meminta murid mengelap meja selepas makan. Guru hanya perlu menunjukkan kad gambar yang mengandungi arahan, sambil menyebut secara verbal arahan yang perlu murid lakukan.




Imbas bahan visual di sini:



Contoh visual berbentuk arahan

ii. Visual rutin harian


Visual rutin harian ini di susun mengikut jadual harian murid. Bermula dari mula masuk ke kelas sehingga murid pulang ke rumah. Kebiasaannya, visual ini ditampal di dinding supaya mudah untuk dilihat oleh murid. Didalam visual rutin harian ini, diselitkan juga aktiviti-aktiviti pengurusan diri seperti gosok gigi, pergi ke tandas, mandi, basuh tangan dan sebagainya mengikut kesesuaian rutin ini dijalankan. Tujuan aktiviti-aktiviti ini disusun di dalam visual rutin harian adalah supaya murid tahu aktiviti apa yang perlu dilakukan selepas sesuatu aktiviti siap.



Contoh visual rutin harian

iii. Visual 'buat dahulu' dan 'kemudian'


Visual ini disusun dengan meletakkan gambar aktiviti yang akan dilakukan dahulu, diikuti dengan gambar aktiviti susulan selepas aktiviti pertama siap. Visual seperti ini membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas menjadi lebih teratur dan lebih bersedia untuk melakukan aktiviti seterusnya. Kebiasaannya di bahagian 'buat dahulu' diletakkan kad visual aktiviti yang perlu dilakukan dan di bahagian 'kemudian' adalah aktiviti yang lebih menyeronokkan ataupun ganjaran selepas aktiviti pertama siap. Sesetengah murid yang sukar untuk melakukan aktiviti pengurusan diri seperti ke tandas boleh menggunakan kaedah seperti ini untuk menarik minat mereka ke tandas. Contohnya, guru boleh meletakkan kad visual yang mengandungi gambar tandas di bahagian 'buat dahulu' dan diikuti kad visual yang mengandungi gambar permainan yang diminati oleh murid di bahagian 'kemudian'. Melalui kaedah ini, murid dapat membayangkan sekiranya dia telah ke tandas, guru akan beri mainan yang digemari.



Contoh visual "buat dahulu" dan "kemudian"

iv. Visual papan pilihan


Papan pilihan digunakan untuk memberi peluang Murid Berkeperluan Pendidikan Khas memilih aktiviti, objek, atau item yang mereka mahukan. Guru boleh menunjukkan papan pilihan ini kepada murid dan minta murid pilih salah satu item yang mereka mahukan. Murid akan ambil satu kad gambar dan memberikan kad gambar tersebut kepada guru. Dalam aktiviti pengurusan diri, visual papan pilihan juga boleh digunakan dimana guru memberi pilihan kepada murid untuk memilih aktiviti pengurusan diri yang mereka mahukan, makanan apa yang mereka mahu beli di kantin, baju apa yang mereka mahu pakai dan sebagainya.



Contoh visual papan pilihan

v. Visual papan ganjaran


Papan ganjaran digunakan untuk memberi motivasi kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas menyiapkan tugas atau aktiviti. Kebiasaannya jumlah token diletakkan di papan ganjaran mengikut kesesuaian dan tahap murid. Papan ganjaran ini digunakan bagi meningkatkan motivasi kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas untuk melakukan aktiviti pengurusan diri. Contohnya, murid akan diberikan token sekiranya mereka berjaya melakukan aktiviti pengurusan diri seperti memakai seluar, mencuci tangan, pergi ke tandas dan sebagainya. Token ini akan dikumpulkan dalam jumlah tertentu yang mana dipersetujui sebelum murid diberikan ganjaran sebenar. Pemberian sesuatu ganjaran mestilah dikurangkan secara berkala bagi mengelakkan murid terlalu bergantung kepada ganjaran dalam melakukan aktiviti.



Contoh visual papan ganjaran

vi. Visual peraturan

Visual peraturan digunakan bagi memberi maklumat mengenai peraturan yang perlu murid ikuti. Guru boleh meletakkan 3-4 peraturan pada satu-satu masa mengikut tahap pemahaman murid.



vii. Visual langkah aktiviti

Kad visual juga boleh disusun mengikut langkah aktiviti daripada langkah pertama sehingga langkah terakhir. Kad visual ini membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dalam melakukan sesuatu aktiviti dengan lebih teratur. Murid perlu melakukan aktiviti dengan mengikut susunan dari gambar pertama sehingga gambar yang terakhir. Contoh bagi langkah aktiviti pengurusan diri adalah seperti di bawah:



Langkah ke tandas



Contoh visual Langkah ke tandas

Mandi dan kebersihan diri



Contoh visual mandi dan kebersihan diri

Sebelum dan selepas makan



Contoh visual sebelum dan selepas makan

viii. Cerita sosial

Cerita sosial merupakan satu bahan sokongan yang sering digunakan oleh guru di dalam kelas. Cerita sosial ini mengandungi gambar dan perkataan ringkas yang akan menceritakan sesuatu peristiwa ataupun aktiviti bagi memberi gambaran awal kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Cerita sosial juga digunakan dalam mengajar kemahiran pengurusan diri seperti kemahiran ke tandas, adap ketika makan, menjaga kebersihan diri dan sebagainya. Penulisan dalam cerita sosial ini mestilah mengandungi elemen-elemen berikut:

a. Mempunyai matlamat

Cerita sosial yang ingin dihasilkan perlu mempunyai matlamat atau objektif yang jelas. Sebagai contoh, objektif yang ingin dicapai adalah; murid boleh duduk di mangkuk tandas. Justeru itu, dalam cerita sosial, guru perlu menerangkan kenapa murid perlu duduk di mangkuk tandas dan apa kesan dari tindakan tersebut.

b. Mengandungi maklumat

Cerita sosial yang dihasilkan mestilah mengandungi maklumat tentang dimana perkara tersebut berlaku? Siapa yang terlibat? Bagaimana perkara tersebut mula dan berakhir? Berapa lama ianya berlangsung? Apa yang akan berlaku dan kenapa? Jika guru tidak pasti mengenai sesuatu peristiwa tersebut berlaku, guru boleh guna perkataan seperti "kadang kala" dan "selalunya" di dalam sesebuah cerita sosial.

c. Mengandungi perkataan dan gambar

Cerita sosial perlu mempunyai tajuk, isi cerita dan penutup. Penulisan cerita sosial juga perlulah menggunakan bahasa yang sopan dan positif. Isi cerita didalam cerita sosial mestilah menjawab enam soalan iaitu dimana, bila, siapa, apa, bagaimana dan mengapa. Cerita yang ditulis mestilah disertakan dengan gambar situasi supaya murid lebih mudah faham dengan konteks cerita yang disampaikan oleh guru.



Imbas bahan visual di sini:



Contoh cerita sosial



Imbas bahan bacaan di sini:



Bahan bacaan tambahan bagi cerita sosial



TAJUK 3 : PENGURUSAN DIRI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH RENDAH

3.1 Pengenalan

Modul Pengajaran Pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas sekolah rendah ini telah disusun berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) semakan bermula tahun 1 hingga tahun 5. Pengurusan Diri sekolah rendah terdiri daripada lapan tajuk merentasi tahun 1 hingga tahun 5. Semua lapan tajuk tersebut dimuatkan dalam modul ini secara sistematik seperti ditunjukkan dalam rajah 3.1. Setiap tajuk disertakan dengan standard kandungan dan standard pembelajaran berkaitan daripada tahun 1 hingga tahun 5. Satu cadangan aktiviti yang lengkap dengan langkah-langkah disertakan bagi setiap tajuk. Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan aktiviti lain diutarakan bagi setiap tajuk sebagai rujukan guru-guru.



Rajah 3.1

3.2 Kemahiran Kendiri

Kemahiran kendiri merupakan kemahiran-kemahiran berkaitan diri sendiri murid masalah pembelajaran. Pengajaran kemahiran kendiri perlu merujuk DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari kemahiran kendiri mulai dari tahun 1 hingga tahun 5.

3.2.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 1	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Bahagian-bahagian anggota badan.	Murid berupaya: 1.1.1 Mengenal anggota asas bahagian kepala, badan dan kaki. 1.1.2 Menjelaskan dengan contoh fungsi anggota asas bahagian kepala, badan dan kaki.
1.2 Panggilan diri sendiri dan orang sekeliling.	Murid berupaya: 1.2.1 Melafazkan panggilan yang sesuai bagi nama sendiri, ahli keluarga asas, guru, pembantu pengurusan murid dan rakan. 1.2.2 Membezakan panggilan yang sesuai bagi nama sendiri, ahli keluarga asas, guru, pembantu pengurusan murid dan rakan.
1.3 Adab makan dan minum.	Murid berupaya: 1.3.1 Menamakan alatan asas yang digunakan untuk makan dan minum. 1.3.2 Menunjukkan cara makan dan minum menggunakan alatan asas. 1.3.3 Menjelaskan dengan contoh adab sebelum dan selepas makan dan minum. 1.3.4 Mengamalkan adab makan dan minum
1.4 Memakai pakaian.	Murid berupaya: 1.4.1 Menamakan pakaian dalam mengikut jantina. 1.4.2 Menamakan jenis pakaian harian mengikut jantina. 1.4.3 Menamakan jenis pakaian seragam sekolah mengikut jantina.

	1.4.4 Memakai pakaian dalam mengikut jantina. 1.4.5 Memakai kemeja-T tanpa kolar dan berkolar. 1.4.6 Memakai seluar bergetah. 1.4.7 Menyarung dan menanggalkan stoking. 1.4.8 Menyarung dan menanggalkan kasut
--	---

TAHUN 2	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Kenali diri sendiri dan ahli keluarga asas.	Murid berupaya: 1.1.1 Menyebut nama, umur dan jantina sendiri. 1.1.2 Menyenaraikan dan menyatakan jantina ahli keluarga asas. 1.1.3 Menyebut panggilan hormat bagi setiap ahli keluarga asas. 1.1.4 Menyebut nama sebenar ahli keluarga asas.
1.2 Adab berpakaian dan bergaul dengan ahli keluarga asas.	Murid berupaya: 1.2.1 Mengenal pasti adab berpakaian dalam keluarga asas. 1.2.2 Mengenal pasti adab bergaul dengan ahli keluarga asas. 1.2.3 Menyatakan adab berpakaian dan batasan pergaulan dengan ahli keluarga asas.
1.3 Cara memakai pakaian dengan betul	Murid berupaya: 1.3.1 Menunjuk cara memakai pakaian berbutang, berzip, dan bercangkuk. 1.3.2 Mengenal pasti dan menunjuk cara berpakaian mengikut jantina. 1.3.3 Memperagakan pakaian yang lengkap dan kemas.

TAHUN 3

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Kenali rakan.	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan nama, umur dan jantina rakan. 1.1.2 Mengenal pasti panggilan yang sesuai semasa berkomunikasi dengan rakan. 1.1.3 Menerangkan tentang diri rakan.
1.2 Kenali warga sekolah.	Murid boleh: 1.2.1 Mengenal warga sekolah dan panggilan yang sesuai. (i) Pentadbir sekolah (ii) Guru (iii) Pembantu Pengurusan Murid (iv) Staf sokongan (v) Pengendali kantin (vi) Pengawal keselamatan (vii) Pekerja am 1.2.2 Menjelaskan peranan warga sekolah.
1.3 Adab pergaulan dengan rakan dan warga sekolah.	Murid boleh: 1.3.1 Menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi dengan rakan dan warga sekolah. 1.3.2 mempraktikkan adab dan batasan pergaulan dengan rakan dan warga sekolah. 1.3.3 Membezakan sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah.
1.4 Peraturan di sekolah.	Murid boleh: 1.4.1 Menyatakan peraturan di dalam kelas, bilik-bilik khas, kantin, padang dan gelanggang permainan. 1.4.2 Mengamalkan peraturan di dalam kelas, bilik-bilik khas, kantin, padang dan gelanggang permainan.
1.5 Cara berpakaian di sekolah.	Murid boleh: 1.5.1 Mengenal: (i) jenis pakaian seragam sekolah. (ii) pakaian sukan.

	1.5.2 Membezakan pakaianseragam sekolah dengan pakaian sukan sekolah. 1.5.3 Menunjukkan cara memakai: (i) pakaian seragam sekolah. (ii) pakaian sukan.
1.6 Mengenal waktu makan dan makanan yang bersesuaian.	Murid boleh: 1.6.1 Menamakan waktu-waktu makan: (i) sarapan pagi. (ii) makan tengah hari. (iii) minum petang. (iv) makan malam. 1.6.2 Menjelaskan kepentingan makan mengikut waktu. 1.6.3 Menyenaraikan contoh makanan yang sesuai diambil mengikut waktu. 1.6.4 Menghubungkait pengambilan jenis makanan mengikut waktu.

TAHUN 4	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Tanggungjawab diri terhadap ahli keluarga asas.	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan tanggungjawab diri terhadap ahli keluarga asas. 1.1.2 Memerihalkan tentang diri ahli keluarga asas. 1.1.3 Menunjukkan rasa penghargaan terhadap ahli keluarga asas.
1.2 Kenali dan hormati keluarga kembangan	Murid boleh: 1.2.1 Mengenal pasti hierarki dalam keluarga kembangan: i) datuk dan nenek ii) bapa saudara dan ibu saudara iii) sepupu 1.2.2 Menggunakan panggilan hormat mengikut pangkat dalam ahli keluarga kembangan. 1.2.3 Melibatkan diri dalam aktiviti yang merapatkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti simulasi atau main peranan.

1.3 Kenali jenis pakaian.	Murid boleh: 1.4.1 Mengenal jenis pakaian: i) unit beruniform sekolah ii) harian iii) formal mengikut situasi 1.4.2 Menunjuk cara memakai pakaian yang sesuai mengikut situasi dan tempat: i) ibadat ii) rekreasi iii) majlis keraian iv) perayaan 1.4.3 mempraktikkan cara memakai pakaian yang sesuai mengikut situasi dan tempat dalam kehidupan seharian.
---------------------------	--

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Tanggungjawab diri terhadap komuniti setempat	Murid boleh: 1.1.1 Mengenal organisasi dalam komuniti setempat. 1.1.2 Bercerita tentang tanggungjawab diri terhadap komuniti setempat. 1.1.3 Mengaplikasi tanggungjawab diri terhadap komuniti setempat. 1.1.4 Mempamerkan sikap bertanggungjawab terhadap komuniti setempat.
1.2 Kemahiran berinteraksi dalam komuniti	Murid boleh: 1.2.1 Menyenaraikan panggilan hormat mengikut hierarki dalam komuniti. 1.2.2 Mengenal pasti panggilan hormat mengikut pangkat dalam komuniti. 1.2.3 Menggunakan panggilan hormat mengikut pangkat dalam komuniti. 1.2.4 Menjelaskan kepentingan mengamalkan sikap berbudi pekerti dalam komuniti. 1.2.5 Mengaplikasi sikap berbudi pekerti dalam komuniti.

3.2.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 1.4 Cara memakai pakaian dengan betul
Standard Pembelajaran : 1.4.7 Menyarung dan menanggalkan stoking
Aktiviti :

1. Murid bersoal jawab dengan guru tentang kad imbasan stoking yang ditampal pada papan putih.



2. Murid diminta mengenal pasti pada bahagian badan mana stoking dipakai.
3. Menonton video tentang cara menyarung stoking dengan betul.

Imbas kod QR



4. Murid menyarung stoking dengan cara yang betul dengan bimbingan guru.

Cadangan pentaksiran: Pemerhatian

3.2.3 Cadangan Aktiviti Lain

MEMAKAI KEMEJA-T BERKOLAR

Imbas kod QR



MEMAKAI PAKAIAN BERBUTANG, BERZIP, DAN BERCANGKUK

Imbas kod QR



MENAMAKAN WAKTU-WAKTU MAKAN

Imbas kod QR



3.3 Kebersihan, Kesihatan Dan Keselamatan

Kebersihan, kesihatan dan keselamatan merupakan aspek-aspek yang penting bagi memastikan kesejahteraan hidup murid masalah pembelajaran. Guru mengajar tentang kebersihan, kesihatan dan keselamatan berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari tentang tajuk ini mulai dari tahun 1 hingga tahun 5.

3.3.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 1	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Amalan kebersihan dan kesihatan diri	Murid berupaya : 2.1.1 Menamakan anggota badan yang perlu dibersihkan. 2.1.2 Menamakan alatan dan bahan kebersihan diri. 2.1.3 Menyatakan fungsi alatan dan bahan kebersihan diri. 2.1.4 Menunjuk cara menggunakan alatan dan bahan kebersihan diri dengan cara yang betul dan selamat. 2.1.5 mempraktikkan penggunaan alatan dan bahan untuk kebersihan diri dengan selamat.
2.2 Penjagaan kebersihan pakaian	Murid berupaya : 2.2.1 Menyatakan cara menjaga kebersihan pakaian. 2.2.2 Menunjuk cara menjaga kebersihan pakaian. 2.2.3 Mengamalkan penjagaan kebersihan pakaian.
2.3 Kebersihan dan keselamatan dalam bilik darjah.	Murid berupaya : 2.3.1 Menamakan alatan kebersihan dalam bilik darjah. 2.3.2 Menyatakan fungsi alatan kebersihan dalam bilik darjah. 2.3.3 Menunjuk cara menggunakan alatan kebersihan dengan betul dan selamat. 2.3.4 Mempraktikkan cara menjaga kebersihan dalam bilik darjah dengan selamat.

TAHUN 2

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Penjagaan kebersihan anggota badan.	Murid berupaya : 2.1.1 Menyatakan cara menjaga kebersihan anggota badan: (i) Rambut (ii) Gigi (iii) Badan (iv) Kuku (v) Tangan (vi) Kaki 2.1.2 Menyenaraikan langkah menjaga kebersihan anggota badan. 2.1.3 Menunjuk cara membersihkan anggota badan menggunakan alatan dan bahan kebersihan diri.
2.2 Penjagaan kebersihan pakaian.	Murid berupaya: 2.2.1 Menamakan alatan dan bahan membersihkan pakaian. 2.2.2 Menyatakan fungsi alatan dan bahan membersihkan pakaian. 2.2.3 Menunjukkan cara menggunakan alatan dan bahan membersihkan pakaian. 2.2.4 Menunjukkan langkah menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan membersihkan pakaian.
2.3 Penjagaan kebersihan di luar bilik darjah.	Murid berupaya: 2.3.1 Menamakan alatan menjaga kebersihan di luar bilik darjah. 2.3.2 Menyatakan fungsi alatan menjaga kebersihan diluar bilik darjah. 2.3.3 Menunjukkan cara menggunakan alatan menjaga kebersihan diluar bilik darjah. 2.3.4 Menunjukkan Langkah menjaga keselamatan sebelum dan selepas aktiviti membersihkan diluar bilik darjah.

TAHUN 3

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Penjagaan Kebersihan bahagian sulit mengikut jantina.	Murid boleh: 2.1.1 Menamakan bahagian sulit mengikut jantina. 2.1.2 Menyatakan cara menjaga kebersihan bahagian sulit. 2.1.3 Menunjukkan langkah-langkah membersihkan bahagian sulit.
2.2 Penjagaan alatan dan bahan kebersihan diri.	Murid boleh: 2.2.1 Menamakan jenis alatan dan bahan kebersihan diri. 2.2.2 Menyatakan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri. 2.2.3 Membersih dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri dengan cara yang betul.
2.3 Penjagaan kebersihan pakaian • kasut dan stoking.	Murid boleh: 2.3.1 Menamakan alatan dan bahan yang diperlukan untuk mencuci kasut dan stoking. 2.3.2 Menunjuk cara mencuci kasut dan stoking. 2.3.3 Menerangkan langkah keselamatan diri semasa mencuci kasut dan stoking. 2.3.4 Mengamalkan langkah keselamatan diri semasa mencuci kasut dan stoking. 2.3.5 Mengaplikasi cara membersihkan serta menyimpan alatan dan bahan mencuci kasut dan stoking.
2.4 Penjagaan dan keceriaan dalam dan luar bilik darjah.	Murid boleh: 2.4.1 Menyatakan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah. 2.4.2 Menunjuk cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah. 2.4.3 Menerangkan langkah langkah keselamatan diri semasa melakukan aktiviti menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.

	2.4.4 Mengaplikasi langkah-langkah keselamatan diri semasa melakukan aktiviti menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.
2.5 Peraturan dan arahan di sekolah • kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah.	Murid boleh: 2.5.1 Mengenal dan menamakan tempat atau kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah seperti tempat pembuangan sampah, bilik suis, stor dan makmal. 2.5.2 Memerihalkan kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah. 2.5.3 Menjelaskan kepentingan mematuhi arahan lisan dan bukan lisan di kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah.

TAHUN 4

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Kebersihan anggota seksual.	Murid boleh: 2.1.1 Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan anggota seksual. 2.1.2 Menunjuk cara menjaga kebersihan anggota seksual. 2.1.3 mempraktikkan cara menjaga kebersihan anggota seksual dalam kehidupan harian. 2.1.4 Menaakul kepentingan menjaga kebersihan anggota seksual
2.2 Kesedaran dan tanggungjawab menjaga tubuh badan.	Murid boleh: 2.2.1 Mengenal makanan seimbang. 2.2.2 Memberi contoh makanan seimbang. 2.2.3 Mempraktikkan cara pengambilan makanan yang seimbang untuk menjaga kesihatan diri. 2.2.4 Mengenal pasti dan melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian untuk menjaga kesihatan diri. 2.2.5 Menaakul kepentingan mengambil makanan seimbang dan melakukan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian.

2.3 Batasan pergaulan	Murid boleh: 2.3.1 Menyatakan batasan pergaulan, sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa. 2.3.2 Membezakan antara sentuhan selamat dengan sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa. 2.3.3 Memberi tindak balas melalui fizikal atau suara jika berlaku sentuhan tidak selamat. 2.3.4 Menaakul kepentingan menjaga batasan pergaulan dan memberi tindak balas melalui fizikal atau suara apabila berlaku sentuhan tidak selamat.
2.4 Keselamatan dalam penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah	Murid boleh: 2.4.1 Mengenal pasti penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah. 2.4.2 Menerangkan peraturan penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah. 2.4.3 mempraktikkan langkah – langkah keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan di bilik darjah.

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Penjagaan kesihatan dan kebersihan	Murid boleh: 2.1.1 Mengenal pasti tanda-tanda akil baligh. 2.1.2 Menyatakan perubahan fizikal dan emosi bagi lelaki dan perempuan. 2.1.3 Menunjuk cara mengurus diri dan emosi apabila mengalami tanda-tanda akil baligh. i) haid ii) ihtilam 2.1.4 Mengamalkan penjagaan kesihatan dan kebersihan dalam kehidupan harian.

3.3.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 2.1 Penjagaan kebersihan anggota badan.
Standard Pembelajaran : 2.1.1 Menyatakan cara menjaga kebersihan anggota badan:
(ii) gigi

Aktiviti :

1. Murid menonton video tentang akibat jika tidak menjaga kebersihan gigi dengan betul.

Imbas kod QR



2. Murid bersoal jawab dengan guru samada mereka memberus gigi atau tidak pada hari itu.
3. Murid dibimbing untuk mempelajari langkah memberus gigi dengan betul dengan bantuan analisis tugas.

Imbas kod QR



4. Murid menyatakan cara yang betul untuk memberus gigi berdasarkan analisis tugas.

Cadangan pentaksiran: Senarai semak

3.3.3 Cadangan Aktiviti Lain

CARA MEMBERSIH KASUT

Imbas kod QR



TANDA-TANDA AKIL BALIGH

Imbas kod QR



MAKANAN SEIMBANG

Imbas kod QR



3.4 Penggunaan Tandas Dan Bilik Mandi

Penggunaan tandas dan bilik mandi merupakan kemahiran asas dalam kehidupan seharian murid masalah pembelajaran. Guru mengajar kemahiran penggunaan tandas dan bilik mandi berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari penggunaan tandas dan bilik mandi mulai dari tahun 1 hingga tahun 3.

3.4.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 1	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Kemudahan dalam tandas dan bilik mandi.	Murid berupaya : 3.1.1 Menamakan simbol tandas dan bilik mandi. 3.1.2 Menyatakan kemudahan di dalam tandas dan bilik mandi. 3.1.3 Mematuhi peraturan menggunakan tandas dan bilik mandi. 3.1.4 Menunjuk cara menggunakan tandas duduk dan tandas cangkung dengan cara yang betul dan selamat. 3.1.5 Menggunakan tandas duduk dan tandas cangkung dengan cara yang betul. 3.1.6 Menunjuk cara menggunakan bilik mandi dengan cara yang betul dan selamat. 3.1.7 Menggunakan bilik mandi dengan cara yang betul dan selamat.

TAHUN 2	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Menjaga kebersihan tandas dan bilik mandi.	Murid berupaya: 3.1.1 Menamakan alatan dan bahan menjaga kebersihan membersihkan tandas dan bilik mandi. 3.1.2 Mengenal pasti fungsi alatan dan bahan menjaga kebersihan tandas dan bilik mandi. 3.1.3 Menunjukkan cara membersihkan tandas dan bilik mandi.

	3.1.4 Menunjukkan langkah menjaga keselamatan ketika membersihkan tandas dan bilik mandi.
--	---

TAHUN 3	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Penjagaan kemudahan di tandas dan bilik mandi.	Murid boleh: 3.1.1 Menamakan kemudahan di tandas dan bilik mandi. 3.1.2 Menjelaskan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi. 3.1.3 Menunjukkan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi. 3.1.4 Mengaplikasikan cara menjaga kebersihan dan keselamatan ketika melakukan aktiviti penjaga kemudahan tandas dan bilik mandi.

3.4.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 3.1 Penjagaan kemudahan di tandas dan bilik mandi.

Standard Pembelajaran : 3.1.4 Mengaplikasi cara menjaga kebersihan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti penjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi.

Aktiviti :

1. Murid diperkenalkan dengan amalan selamat dan amalan tidak selamat di tandas dan bilik air.

Imbas kod QR



2. Kad imbasan amalan selamat dan tidak selamat di tandas dan bilik air dilekatkan di sekitar kelas.

3. Murid mengenal pasti samada guru menunjukkan simbol selamat (☑) atau simbol tidak selamat (☒).

Imbas kod QR



4. Murid mencari gambar yang sesuai dengan simbol yang ditunjukkan guru di sekitar kelas.

Cadangan pentaksiran: Senarai semak

3.4.3 Cadangan Aktiviti Lain

SIMBOL TANDAS DAN BILIK MANDI

Imbas kod QR



MENJAGA KEMUDAHAN DI TANDAS

Imbas kod QR



ALATAN DAN BAHAN PENJAGAAN KEBERSIHAN TANDAS DAN BILIK MANDI

Imbas kod QR



3.5 Pengurusan Tempat Tinggal

Pengurusan tempat tinggal merujuk kepada penguasaan kemahiran-kemahiran berkaitan tempat tinggal murid masalah pembelajaran. Guru mengajar kemahiran sendiri berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari pengurusan tempat tinggal mulai dari tahun 1 hingga tahun 3.

3.5.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 1	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Ruang atau bilik dalam rumah.	Murid berupaya: 4.1.1 Menamakan ruang tamu, bilik tidur dan dapur. 4.1.2 Menyatakan fungsi ruang tamu, bilik tidur dan dapur.

TAHUN 2	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Pengurusan bilik tidur dan ruang tamu.	Murid berupaya: 4.1.1 Menamakan alatan dan perabot di: (i) bilik tidur (ii) ruang tamu 4.1.2 Menyatakan fungsi alatan dan perabot. 4.1.3 Mengaplikasikan cara menjaga kekemasan dan kebersihan alatan dan perabot
TAHUN 3	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Pengurusan di ruang dapur.	Murid boleh: 4.1.1 Menamakan alatan dan perabot di dapur. 4.1.2 Menjelaskan kegunaan alatan dan perabot di dapur. 4.1.3 Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot di dapur. 4.1.4 Mengaplikasi cara menjaga kekemasan, kebersihan dan keselamatan semasa di dapur

3.5.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 4.1 Pengurusan di ruang dapur

Standard Pembelajaran : 4.1.2 Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot di dapur

Aktiviti :

1. Murid dibawa ke dapur PPKI dan diperkenalkan dengan resepi popia nestum

Imbas kod QR



2. Murid diperkenalkan dengan alatan yang diperlukan untuk memasak popia nestum.

Imbas kod QR



3. Murid mulakan sesi memasak popia nestum menggunakan alatan yang tersedia di dapur PPKI dengan bimbingan guru.
4. Murid berbincang dengan guru tentang alatan yang telah digunakan sambil menikmati popia nestum.

Cadangan pentaksiran: Lembaran kerja

3.5.3 Cadangan Aktiviti Lain

MENAMAKAN ALATAN DAN PERABOT DI DAPUR

Imbas kod QR



MENAMAKAN ALATAN DAN PERABOT DI RUANG TAMU

Imbas kod QR



3.6 Adab Dan Tatasusila

Adab dan tatasusila merujuk kepada kemahiran-kemahiran sosial murid masalah pembelajaran. Guru mengajar adab dan tatasusila berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari adab dan tatasusila mulai dari tahun 1 hingga tahun 5.

3.6.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 1	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Jenis-jenis perlakuan.	Murid berupaya: 5.1.1 Menamakan perlakuan positif. 5.1.2 Menamakan perlakuan negatif.
5.2 Emosi asas diri.	Murid berupaya: 5.2.1 Mengenal simbol emosi seperti gembira, sedih dan marah. 5.2.2 Mengenal pasti emosi gembira, sedih dan marah.
5.3 Adab dan tatasusila di sekolah	Murid berupaya: 5.3.1 Menamakan adab dan tatasusila yang sopan di sekolah. 5.3.2 Menyatakan kepentingan adab dan tatasusila yang sopan di sekolah. 5.3.3 Mengamalkan adab dan tatasusila yang sopan di sekolah.

TAHUN 2	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Adab dan tatasusila terhadap ahli keluarga.	Murid berupaya: 5.1.1 Melafazkan ucapan bertatasusila semasa berinteraksi dengan ahli keluarga. 5.1.2 Menunjukkan respons emosi yang positif semasa berinteraksi dengan keluarga. 5.1.3 Menunjukkan respons yang beradab kepada arahan yang diberi oleh ahli keluarga. 5.1.4 Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila semasa berinteraksi dengan ahli keluarga.

TAHUN 3	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Adab dan tatasusila terhadap warga sekolah.	Murid boleh: 5.1.1 Melafazkan ucapan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah. 5.1.2 Menunjukkan respons emosi yang positif semasa berinteraksi dengan warga sekolah. 5.1.3 Menunjukkan respons beradab terhadap kepada arahan yang diberi oleh warga sekolah. 5.1.4 Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah.
5.1 Tingkahlaku bertatasusila • di kantin dan kedai buku	Murid boleh: 5.1.1 Menunjukkan adab dan tatasusila yang sopan: (i) dikantin. (ii) dikedai buku. 5.1.2 Menyatakan kepentingan adab, tatasusila dan emosi yang positif: (i) dikantin. (ii) dikedai buku.

TAHUN 4	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Adab dan tatasusila ketika berinteraksi	Murid boleh: 4.1.1 Mengenal pasti adab dan tatasusila ketika berinteraksi: i) dengan ahli keluarga dan orang lain ii) apabila menerima dan memberi arahan iii) semasa meminjam dan memulangkan barang 4.1.2 Mengaplikasikan adab dan tatasusila ketika berinteraksi berdasarkan situasi. 4.1.3 Menaakul kepentingan menjaga adab dan tatasusila ketika berinteraksi

4.2 Adab berterima kasih dan bersyukur	Murid boleh: 4.2.1 Melafazkan ucapan bertatasusila apabila menerima penghargaan dan ganjaran. 4.2.2 Menunjukkan rasa berterima kasih dan bersyukur melalui perlakuan. 4.2.3 Mengaplikasi sikap berterima kasih dan bersyukur dalam kehidupan seharian.
--	--

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Penjagaan adab semasa makan dan minum	Murid boleh: 4.1.1 Menyatakan adab semasa di meja makan. 4.1.2 Memerihalkan kepentingan menjaga adab dan tatasusila semasa di meja makan. 4.1.3 Menunjuk cara adab semasa di meja makan. 4.1.4 Mengamalkan adab semasa di meja makan.
4.2 Adab berpakaian	Murid boleh: 4.2.1 Menyatakan jenis pakaian yang sopan dan sesuai mengikut situasi. 4.2.2 Memerihalkan kepentingan menjaga adab berpakaian mengikut situasi. 4.2.3 Menunjuk cara berpakaian sopan dan sesuai mengikut situasi. 4.2.4 Mengamalkan cara berpakaian sopan dan sesuai mengikut situasi.

3.6.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 4.2 Adab berpakaian

Standard Pembelajaran : 4.2.1 Menyatakan jenis pakaian yang sesuai dan sopan mengikut situasi

Aktiviti :

1. Murid dipecahkan kepada beberapa kumpulan berdua.
2. Setiap kumpulan diberikan sekeping kad imbasan yang mengandungi gambar situasi tertentu, sehelai kertas mahjong dan pen marker.

Imbas kod QR



3. Setiap kumpulan perlu menampal kad imbasan pada kertas mahjong dan menyenaraikan pakaian yang sesuai untuk situasi tersebut menggunakan peta buih.

Imbas kod QR



4. Setiap kumpulan membentangkan hasil dapatan masing-masing.

Cadangan pentaksiran: Lembaran kerja

3.6.3 Cadangan Aktiviti Lain

ADAB KETIKA MAKAN

Imbas kod QR



EMOSI ASAS DIRI

Imbas kod QR



ADAB BERSAMA KELUARGA

Imbas kod QR



3.7 Pengurusan Emosi Dan Sosial

Pengurusan emosi dan sosial merupakan kemahiran-kemahiran berkaitan diri sendiri murid masalah pembelajaran. Guru mengajar kemahiran sendiri berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari kemahiran sendiri mulai dari tahun 4 hingga tahun 5.

3.7.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan mengikut tahun;

TAHUN 4	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Pengurusan emosi dalam kehidupan seharian	Murid boleh: 3.1.1 Menyatakan perasaan gembira, sedih dan marah. 3.1.2 Menghubunkait perasaan gembira, sedih dan marah dengan sesuatu situasi. 3.1.3 Mengaplikasi cara mengurus perasaan dan bertindakbalas kepada sesuatu situasi. 3.1.4 Menilai kesan kepada diri dan orang sekeliling sekiranya tidak mengurus perasaan gembira, sedih dan marah dengan baik.
3.2 Sikap berdikari	Murid boleh: 3.2.1 Menyatakan sikap berdikari dari aspek mengurus diri sendiri. 3.2.2 Memerihalkan kebaikan sikap berdikari. 3.2.3 Mengaplikasikan sikap berdikari. 3.2.4 Menilai kesan kepada diri sendiri dan orang lain sekiranya tidak dapat mengamalkan sikap berdikari

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Kemahiran interpersonal	Murid boleh: 3.1.1 Menyatakan kemahiran interpersonal i) Hubungan atau kontak mata ii) Tumpuan semasa berinteraksi

	iii) Memberi pendapat mengikut konteks iv) Mendengar pendapat orang lain v) Bertanya soalan yang sesuai dengan situasi atau konteks 3.1.2 Menyenaraikan kepentingan kemahiran interpersonal. 3.1.3 Mengaplikasi kemahiran interpersonal semasa berkomunikasi dan bersosialisasi. 3.1.4 Mengamalkan kemahiran interpersonal dalam aktiviti harian.
3.2 Penghargaan sendiri	Murid boleh: 3.2.1 Mengenal pasti kebolehan diri sendiri. 3.2.2 Menyatakan cara meningkatkan kebolehan diri melalui pemikiran positif, penampilan diri yang menarik dan bertingkah laku sopan. 3.2.3 Menunjukkan kebolehan diri semasa bersosialisasi. 3.2.4 Menghargai dan berusaha meningkatkan kebolehan diri secara berterusan.

3.7.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 3.2 Penghargaan sendiri

Standard Pembelajaran : 3.2.4 Menghargai dan berusaha meningkatkan kebolehan diri secara berterusan

Aktiviti :

1. Murid menonton satu video yang memberikan inspirasi.

Imbas kod QR



2. Murid berbincang dengan guru apa yang boleh dipelajari daripada video tersebut.
3. Murid diminta untuk menyenaraikan kebolehan diri dalam bentuk peta buih.

Imbas kod QR



4. Murid membentangkan kebolehan diri masing-masing dan diberikan galakan untuk terus mengembangkan potensi masing-masing.

Cadangan pentaksiran: Pemerhatian

3.7.3 Cadangan Aktiviti Lain

MENGAPLIKASI CARA MENGURUS PERASAAN

Imbas kod QR



KEMAHIRAN INTERPERSONAL

Imbas kod QR



MENGAPLIKASIKAN SIKAP BERDIKARI

Imbas kod QR



3.8 Penyalahgunaan Alatan & Bahan Berbahaya

Penyalahgunaan alatan dan bahan berbahaya merupakan pengetahuan asas berkenaan alatan dan bahan berbahaya di rumah. Guru mengajar tentang penyalahgunaan alatan dan bahan berbahaya berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari tajuk ini semasa tahun 5.

3.8.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan;

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Keselamatan dalam penggunaan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah	Murid boleh: 5.1.1 Menamakan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya serta kegunaannya di rumah. 5.1.2 Mengenal pasti penyalahgunaan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya. 5.1.3 Mengaplikasi cara mengurus alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya dengan betul.

	5.1.4 Mengamalkan penggunaan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya dengan betul dan selamat dalam kehidupan harian.
--	---

3.8.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 5.1 Keselamatan dalam penggunaan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah.

Standard Pembelajaran : 5.1.4 Mengamalkan penggunaan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya dengan betul dan selamat dalam kehidupan harian.

Aktiviti :

1. Murid mempelajari cara menggosok pakaian menggunakan seterika dengan betul menerusi video berserta bimbingan guru.

Imbas kod QR



2. Murid memerhatikan guru menggosok pakaian di bilik Pengurusan Diri PPKI.
3. Murid dibimbing untuk menggosok pakaian dengan betul.
4. Murid memberikan sumbang saran tentang langkah-langkah keselamatan semasa menggosok pakaian menggunakan seterika.

Cadangan pentaksiran: Lembaran kerja

3.8.3 Cadangan Aktiviti Lain

ALATAN DAN BAHAN YANG BOLEH MENDATANGKAN BAHAYA DI RUMAH

Imbas kod QR



3.9 Pertolongan Cemas

Pertolongan cemas merupakan pengetahuan asas tentang pertolongan segera yang diberikan kepada mangsa yang tercedera sebelum ketibaan pakar. Guru mengajar pertolongan cemas berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan. Murid mempelajari pertolongan cemas semasa tahun 5.

3.9.1 Standard Kandungan

Berikut adalah standard kandungan berkaitan;

TAHUN 5	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
6.1 Asas pertolongan cemas	Murid boleh: 6.1.1 Menyatakan langkah-langkah kemahiran asas bantu mula i) Kenal pasti masalah kecemasan ii) Membuat keputusan untuk bertindak iii) Menghubungi pasukan kecemasan iv) Memberi rawatan kecemasan sehingga bantuan sampai 6.1.2 Menerangkan kepentingan latihan asas pertolongan cemas. 6.1.3 Mengaplikasi latihan asas pertolongan cemas secara sistematik. 6.1.4 Mengamalkan sikap bertanggungjawab apabila berlaku kecemasan.
6.2 Kit Pertolongan Cemas	Murid boleh: 6.2.1 Mengenal pasti kit pertolongan cemas. 6.2.2 Menerangkan fungsi alatan dan bahan kit pertolongan cemas. 6.2.3 Menunjuk cara penggunaan alatan dan bahan kit pertolongan cemas mengikut situasi. 6.2.4 Menjaga alatan dan bahan kit pertolongan cemas secara sistematik dan selamat.

3.9.2 Cadangan Aktiviti

Standard Kandungan : 6.1 Asas pertolongan cemas

Standard Pembelajaran : 6.1.3 Mengaplikasi asas pertolongan cemas secara Sistematik

Aktiviti :

1. Murid diterangkan tentang latihan bantu mula di mana seorang murid akan memainkan peranan sebagai individu yang tercedera manakala seorang lagi murid memainkan peranan untuk berikan bantu mula.
2. Murid mempelajari langkah yang betul dalam memberikan bantu mula kepada individu tercedera berasaskan teknik 2C (*clean and cover*) dengan bantuan analisis tugasan.

Imbas kod QR



3. Murid bertukar peranan antara sebagai individu tercedera dan individu yang berikan bantu mula.
4. Murid berbincang dengan guru tentang mengapa luka perlu dirawat segera.


Cadangan pentaksiran: Pemerhatian

3.9.3 Cadangan Aktiviti Lain

KIT PERTOLONGAN CEMAS

Imbas kod QR





TAJUK 4: PENGURUSAN DIRI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH MENENGAH

4.1 PENGENALAN

Modul Pengurusan diri Pendidikan Khas Tingkatan 1 ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Khas. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Tingkatan 1 memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran. Bagi melengkapkan kemahiran murid, modul ini dibina dalam lima unit iaitu mengurus diri, mengurus bengkel, advokasi diri, menyedia dan menyaji / mengepek makanan dan menjahit artikel mudah seperti dalam Rajah 4.1. Kesemua unit ini menekankan pemahaman kepada kemahiran asas mengurus diri untuk melahirkan Murid Bekeperluan Khas (MBK) yang boleh mengurus kehidupan, berkemahiran dalam advokasi diri dan berkomunikasi serta berpotensi mengurus kehidupan kedewasaan dan seterusnya berkemahiran bekerja.


Pada akhir setiap tajuk dalam unit, disertakan aktiviti berbentuk rekreasi yang merangkumi beberapa kemahiran dalam unit berkenaan. Cadangan aktiviti lain turut disediakan bagi membantu guru-guru dalam membuat rujukan dengan lebih berkesan. Aktiviti modul turut menyediakan aktiviti pengukuhan dan pengayaan bagi semua tajuk yang terdapat dalam DSKP KSSMPK. Aktiviti yang disediakan juga berfungsi untuk mengukuhkan dan memantapkan pemahaman MBPK yang menyeronokkan.



Rajah 4.1


Manakala Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) akan dilakukan sepanjang masa pada setiap tajuk secara formatif dan sumatif. Ini bertujuan bagi mengenalpasti perkembangan pembelajaran murid secara keseluruhan. PDB akan direkodkan oleh guru mengikut tahap penguasaan murid bagi setiap komponen di dalam template pelaporan merujuk garis panduan.

STANDARD KANDUNGAN PENGURUSAN DIRI TINGKATAN 1



